



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

PEMERKASA : Perkasa Kontraktor Kecil Seluruh Negara

Kementerian Kerja Raya mengalu - alukan suntikan tambahan RM2.5 bilion bagi merancakkan pemulihan ekonomi kontraktor kecil melalui pelaksanaan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi atau PEMERKASA yang telah diumumkan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia.

PEMERKASA antara lain menyaksikan kerajaan bersetuju menambah peruntukan projek berskala kecil tahun 2021 daripada RM2.5 bilion kepada RM5 bilion yang akan memberikan manfaat secara langsung kepada kontraktor G1-G4 yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19.

Di bawah "Fokus Kedua PEMERKASA : Memacu Pemulihan Ekonomi; Inisiatif Keempat: Pelaksanaan Projek-projek kecil Seluruh Negara", kerajaan mensasarkan kepada usaha merancakkan aktiviti projek-projek berskala kecil, yang tentunya akan dapat membantu rakyat dalam menghadapi cabaran untuk menggerak dan memulihkan ekonomi negara dengan :

- 1) Meringankan beban kewangan dihadapi oleh kontraktor-kontraktor kecil
- 2) Merancakkan semula rantai ekonomi yang terhasil daripada aktiviti pembinaan
- 3) Mewujudkan peluang pekerjaan baharu.
- 4) Memberi ruang dan peluang kepada kontraktor kecil untuk turut sama terlibat dalam industri pembinaan khususnya dalam penyenggaraan infrastruktur; dan
- 5) Memastikan perkongsian sama rata kepada rakyat daripada projek pembangunan yang disediakan oleh kerajaan

Antara jenis projek kecil yang akan dikhususkan kepada kontraktor kelas G1 hingga G4 ialah pembaikan infrastruktur dan fasiliti awam yang rosak akibat banjir, pembaikan jalan, program ameniti sosial, baik pulih perumahan berstrata termasuk penggantian lif di perumahan awam, serta pembinaan gerai di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

: 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my

Kerajaan juga akan memudahkan tatacara perolehan bagi mempercepatkan pelaksanaan projek. Di samping itu, kerja-kerja kecil bagi kontraktor tempatan akan dikhususkan kepada negeri dan daerah berkenaan.

Kementerian Kerja Raya melihat pelaksanaan PEMERKASA sebagai inisiatif yang tepat pada waktunya kerana pada masa ini, negara berada pada tahap kelima Strategi 6R Pelan Komprehensif Pemulihan Ekonomi, iaitu ‘Revitalize’ atau Memperkasa Ekonomi kesan daripada Pandemik Covid-19 yang melanda negara dan seluruh dunia. Inisiatif ini penting bagi menjamin kesejahteraan rakyat, memastikan kelangsungan perniagaan dan menyokong pemulihan ekonomi.

DATO' SRI HJ FADILLAH HJ YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA
18 MAC 2021

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

Telefon : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Fax : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my